

Konsep Pentaksiran, Kekangan & Cara Mengatasinya dalam Kalangan Pelajar Junior SM Persendirian Confucian

/Teh Chui Lie

PENDAHULUAN

Sistem pendidikan di Malaysia kita hari ini terlalu berorientasikan peperiksaan. Hal ini akan memberi tekanan kepada pelajar dan mereka belajar secara membuta tuli semata-mata untuk lulus peperiksaan tanpa memikirkan sama ada ilmu yang diperoleh boleh digunakan pada masa-masa akan datang.

Pemansuhan peperiksaan PMR itu juga katanya akan memberi lebih banyak masa kepada guru untuk mengajar secara lebih berkesan dan tidak terikat dengan jadual peperiksaan. Bagaimanapun katanya, pada masa yang sama Kementerian Pelajaran wajar mencari kaedah lain yang lebih sesuai untuk mengukur pencapaian pelajar.

Diharap kerajaan dalam melakukan sesuatu dasar janganlah flip-flop, jikalau kerajaan mempunyai mekanisma terbaik bagi menggantikan sistem pendidikan di Malaysia yang selama ini berorientasikan peperiksaan, insyaallah rakyat Malaysia akan menyokong. Kena pastikan sistem dan pendekatan yang betul-betul berasaskan prinsip pendidikan agar dapat melahirkan pelajar-pelajar yang lebih kreatif dan inovatif.

KONSEP PENTAKSIRAN

Pentaksiran merupakan satu proses mendapatkan matlumat dan seterusnya membuat penghakiman serta pertimbangan tentang produk sesuatu proses pendidikan.

Dari konteks pendidikan, pentaksiran merupakan satu episod dalam proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menginterpretasi maklumat tentang pembelajaran seorang pelajar bagi sesuatu tujuan. Pentaksiran juga merupakan satu proses untuk mendapatkan gambaran tentang prestasi pembelajaran seseorang dalam sesuatu subjek atau aktiviti pembelajaran. Aktiviti pentaksiran dijalankan secara berterusan.

Pentaksiran = Pengukuran + Penilaian

Untuk mendapatkan maklumat tentang pembelajaran murid, kita boleh menggunakan proses pengukuran, penilaian atau pentaksiran. Pengukuran ialah proses mendapatkan maklumat dengan cara mengukur menggunakan instrumen sebelum ukuran itu dapat dinilai atau diinterpretasikan. Proses pengukuran berakhir dengan maklumat berbentuk kuantitatif seperti markah mentah, peratus markah mentah, persentil (peratusan kedudukan seseorang berbanding kedudukan orang lain), agregat dan pangkat atau band. Ukuran di atas boleh didapati sama ada dengan menggunakan instrumen atau pun tidak. Instrumen atau alat pengukuran pendidikan yang biasa digunakan ialah ujian, soal selidik (questionnaire), kuiz dan senarai semak (check list).

Tanpa instrumen, ukuran diperoleh dengan cara taksiran, anggaran, agakan, ta'kulan dan pemerhatian. Sebagai analogi, kita boleh mengetahui ukuran atau maklumat tentang berat seorang kanak-kanak Tahun Satu di Malaysia tanpa menggunakan penimbang. Begitu juga seorang guru boleh mengetahui ukuran atau maklumat tentang sejauh mana muridnya menguasai apa yang dipelajari, tanpa menjalankan ujian, dengan cara di atas. Walau bagaimanapun, ukuran yang diperoleh tanpa menggunakan instrumen tentunya kurang tepat dan kurang boleh dipercayai kerana seringkali berubah-ubah mengikut masa, mengikut orang yang mentaksir dan mengikut keadaan.

Penilaian ialah proses mendapatkan maklumat tentang sesuatu diikuti dengan proses memberi nilai atau interpretasi kepada maklumat itu. Misalnya, pernyataan “Ahmad mendapat markah 90% dalam ujian Matematik, oleh itu dia adalah seorang murid yang cemerlang dalam mata pelajaran itu ”, merupakan penilaian atau interpretasi tentang ukuran atau maklumat. Tidak seperti pengukuran, maklumat yang diperoleh daripada penilaian boleh jadi berbentuk kuantitatif atau kualitatif. Maklumat kualitatif dalam penilaian adalah seperti ”Baik”, ”Cemerlang”, “Menguasai tahap pencapaian minimum” dan “Boleh membaca dengan kefahaman yang tinggi ”. Perhatikan bahawa maklumat kualitatif dalam penilaian boleh jadi nilaian atau interpretasi kepada maklumat kuantitatif.

Proses penilaian berhenti setakat memberi nilai atau interpretasi tanpa membuat keputusan seperti “layak memasuki aliran Sains ”. Apabila keputusan dibuat berdasarkan nilai atau interpretasi maklumat, proses yang berlaku daripada mengumpul maklumat sehingga membuat keputusan dipanggil pentaksiran. Dalam pendidikan, proses mengumpul maklumat, memberi nilai atau interpretasi kepada maklumat dan membuat keputusan boleh berlaku secara formal atau tidak formal. Ketiga-tiga proses di atas berlaku secara timbal balik dan sepadu antara satu sama lain dan sepadu dengan proses pengajaran-pembelajaran.

Pengertian istilah pentaksiran atau assessment yang berasal daripada perkataan Greek “Assidere” iaitu bermaksud “Duduk di sisi” seperti dinyatakan di atas sesuai dengan apa yang dilakukan oleh ibu bapa dalam mengajar Al-Quran dalam tradisi pendidikan orang Melayu. Proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran berlaku secara timbal balik dan sepadu di mana sambil mengajar anaknya mengaji Quran, seorang ibu membuat pentaksiran secara tak formal kerana dia tahu adakah anaknya telah menguasai apa yang dipelajari atau belum dan dia tahu sama ada anaknya perlu mengulang balik atau meningkatkan ke tahap yang lebih tinggi. Di samping itu, si ibu akan menerapkan nilai-nilai murni dan akhlak mulia yang holistik sifatnya semasa proses tersebut berjalan. Dalam hal ini si ibu tidak perlu pun mengadakan ujian atau peperiksaan yang formal tetapi dia tetap dikatakan mendidik menggunakan proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran yang sepadu.

Jika pentaksiran merupakan proses, peperiksaan pula merupakan salah satu kaedah, sistem atau mekanisma yang digunakan dalam proses pentaksiran. Sesuatu peperiksaan selalunya mengandungi beberapa siri ujian yang terancang untuk mendapatkan ukuran

tentang sejauh mana proses pengajaran-pembelajaran berkesan. Ujian-ujian yang terdapat dalam sesuatu sistem peperiksaan boleh jadi ujian bertulis, ujian amali, ujian lisan, ujian pendengaran dan ujian berkomputer. Dengan ciri yang sedemikian, peperiksaan selalunya hanya sesuai digunakan untuk mentaksir domain kognitif atau kebolehan mental seseorang. Dua domain yang lain iaitu afektif dan psikomotor kurang sesuai ditaksir menggunakan kaedah peperiksaan.

Oleh hal yang demikian, peperiksaan selalu dikatakan tidak lengkap kerana tidak memberi maklumat yang lebih holistik berkaitan dengan perkembangan dan peningkatan potensi individu seorang insan. Hal-hal seperti sahsiah, akhlak, nilai murni, budi pekerti, penampilan diri, kekuatan jasmani, rohani, emosi dan sosial sukar atau tidak mungkin dapat ditaksir sepenuhnya menggunakan peperiksaan.

Peperiksaan juga seringkali dikaitkan dengan pentaksiran standard, berpusat, luaran, sumatif dan dikendalikan oleh badan peperiksaan. Kekangan ini jugalah yang menyebabkan hal-hal yang sebutkan di atas sukar atau tidak dapat dilakukan dengan kaedah peperiksaan. Hal-hal tersebut lebih sesuai dilakukan melalui pentaksiran berasaskan sekolah, pentaksiran dalaman, pentaksiran formatif, pentaksiran alternatif, pentaksiran prestasi dan pentaksiran autentik.

Peperiksaan dikatakan menyebabkan anak-anak belajar dan guru-guru mengajar tidak seperti sepatutnya iaitu berdasarkan kurikulum dan sukatan pelajaran yang dibekalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum tetapi mengikut peperiksaan. Murid-murid dikatakan belajar dan guru-guru mengajar tidak mengikut kurikulum tetapi mengikut peperiksaan. Hal ini diperhatikan daripada fenomena murid Tahun Enam sekolah rendah yang tidak lagi belajar seawal bulan Julai kerana murid-murid perlu diberi persediaan untuk menduduki peperiksaan UPSR. Mereka akan diberi latihan tubi menjawab soalan peperiksaan dan dikehendaki menduduki peperiksaan percubaan lebih daripada sekali (ada yang sehingga empat kali).

Ibu bapa terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk menghantar anak-anak ke pusat tuisyen untuk memastikan anak-anak mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Anak yang gagal mendapat A dalam mata pelajaran tertentu dikatakan gagal dalam pembelajarannya. Sekolah yang prestasinya dalam sesuatu peperiksaan merosot berbanding prestasi tahun sebelumnya, walau pun hanya 0.1%, merasa tertekan kerana prestasi guru dan pentadbir sekolah dianggap merosot.

Wajarkah tindakan di atas berlaku dalam sistem pendidikan kita? Jika kita menganggap tidak wajar, maka wajarkah pula kita memansuhkan peperiksaan berpusat seperti UPSR, PMR dan SPM serta mencadangkan pentaksiran berasaskan sekolah sahaja? Rata-rata peserta Seminar Sistem Pentaksiran Kebangsaan yang dihadiri pelbagai lapisan masyarakat pendidik, pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan serta parti politik tidak bersetuju ketiga-tiga peperiksaan itu dimansuhkan. Mereka sepakat menyatakan bahawa peperiksaan perlu ada dan menganggap penekanan kepada peperiksaan (exam oriented) hanya merupakan persepsi masyarakat. Jika kita dapat memberi penekanan yang sama kepada pentaksiran dalam aspek ko-kurikulum, sahsiah,

budi pekerti dan nilai-nilai murni melalui pentaksiran berasaskan sekolah, pentaksiran alternatif, pentaksiran autentik, pentaksiran prestasi, pentaksiran formatif dan pentaksiran untuk pembelajaran, dengan sendirinya persepsi tersebut dapat dicairkan.

UJIAN FORMATIF

Ujian formatif ialah ujian yang dijalankan secara berterusan, iaitu semasa pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan. Tujuannya ialah untuk mengenal pasti kelemahan yang wujud semasa pengajaran dan pembelajaran. Dapatan daripada ujian formatif ini akan memberi maklum balas kepada guru dan dengan itu guru dapat membaiki dari segi pengajarannya dan memberi tumpuan yang lebih pada tajuk-tajuk yang timbul kesulitan kepada pelajar. Oleh itu ujian formatif adalah penting untuk menentukan sesuatu kursus atau program itu berkesan dan menepati matlamat yang ditentukan. Contoh ujian formatif ialah ujian yang guru beri di bilik darjah seperti ujian ringkas, kuiz, kerja rumah untuk mengetahui tahap kebolehan pelajar.

Ujian Formatif

Ujian formatif ialah ujian yang dijalankan secara berterusan, iaitu semasa pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan. Tujuannya ialah untuk mengenal pasti kelemahan yang wujud semasa pengajaran dan pembelajaran. Dapatan daripada ujian formatif ini akan memberi maklum balas kepada guru dan dengan itu guru dapat membaiki dari segi pengajarannya dan memberi tumpuan yang lebih pada tajuk-tajuk yang timbul kesulitan kepada pelajar. Oleh itu ujian formatif adalah penting untuk menentukan sesuatu kursus atau program itu berkesan dan menepati matlamat yang ditentukan. Contoh ujian formatif ialah ujian yang guru beri di bilik darjah seperti ujian ringkas, kuiz, kerja rumah untuk mengetahui tahap kebolehan pelajar.

Kata Tugas

Tahap Penilaian	Bentuk Soalan
Pengetahuan	Siapa , Apa, Di Mana , Terangkan
Kefahaman	Huraikan, Bandingkan, Bezakan, Nyatakan
Aplikasi	Gunakan, Selesaikan, Kelaskan, Pilih
Analisis	Kenapa, Kenalpasti, Rumuskan, Tentukan, Buktikan
Sintesis	Selesaikan
Penilaian	Nilaikan, Pilih, Bicarakan, Menaksirkan

TUJUAN UJIAN FORMATIF DIADAKAN

- Mengesan masalah yang dihadapi pelajar dalam pembelajaran.
- Memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran.
- Menenal pasti kelemahan penyampaian pengajaran.
- Pelajar mengetahui kelemahan mereka.
- Guru dan pelajar dapat mengubah kaedah p&p-tingkatkan pencapaian dalam peperiksaan.

PROSEDUR UJIAN FORMATIF

Menentukan tajuk pengajaran

- Guru tentukan tajuk-tajuk pengajaran yang perlu dihabiskan dalam satu tahun.
- Susun tajuk pengajaran mengikut peringkat kesukaran.
- Bagi tajuk yang luas, pecahkan kepada tajuk-tajuk kecil.
- Sebelum beralih ke tajuk lain, guru perlu adakan ujian formatif-nilai penguasaan pelajar bagi tajuk yg telah diajar.

Menentukan aspek dan tahap penguasaan

- Guru tentukan aspek-aspek tertentu bagi setiap tajuk pengajaran yang perlu dikuasai pelajar.
- Kemudian, guru perlu tentukan tahap penguasaan pelajar terhadap aspek tersebut.
- Misalnya, apabila 80%-90% pelajar sudah dapat menguasai sesuatu tajuk, ini bermakna mereka sudah menguasai tajuk itu.

Menghubungkan elemen-elemen dalam tajuk

- Guru perlu susun elemen-elemen yang terdapat dalam setiap tajuk pengajaran pada peringkat perlakuan berdasarkan taksonomi objektif pengajaran.
- Guru seterusnya mengaitkan semua elemen tersebut agar ia saling bertautan dan tidak berpisah.

Membina soalan ujian

- Setiap elemen tadi harus diuji kepada setiap pelajar sekurang-kurangnya 1 soalan.
- Soalan ujian yg sesuai perlu dibina utk ukur penguasaan pelajar terhadap elemen ini.

Mencadangkan tindakan susulan

- Selepas ujian dibuat, tindakan susulan perlu dibuat berdasarkan keputusan ujian ini.
- Jika pelajar masih lemah dalam sesuatu tajuk sebagai tindakan susulan, guru perlu ulang semula atau ubah pendekatan pengajaran

Ujian Sumatif

Ujian sumatif ialah ujian yang dijalankan di akhir sesuatu kursus atau program. Ia bertujuan untuk memperoleh maklumat tentang pencapaian pelajar pada kursus itu, atau untuk mengetahui setakat mana keberkesanan program yang telah dijalankan itu. Ujian sumatif juga diguna untuk tujuan persijilan. Contoh ujian sumatif ialah ujian pada peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM.

Perbezaan Penilaian Formatif Dan Penilaian Sumatif

Aspek	Penilaian Formatif	Penilaian Sumatif
Konsep	Ujian yang boleh dibentuk dan ditadbir secara formal atau tidak formal bagi mengesan kemajuan atau penguasaan murid terhadap sesuatu pembelajaran	Ujian yang dijalankan secara formal bagi mengesan pencapaian murid dalam tempoh tertentu persekolahan.
Tujuan	Mengenal pasti tahap penguasaan dan kemajuan murid dan seterusnya mengambil langkah susulan bagi membaiki kelemahan yang wujud.	Mengenal pasti pencapaian pelajar untuk beberapa topik pembelajaran dan seterusnya memberikan skor dan gred pencapaian pelajar.
Waktu penilaian	Sepanjang pengajaran dan pembelajaran berlangsung	Selepas beberapa topik pembelajaran atau pada pertengahan atau akhir penggal persekolahan.
Kaedah	Formal : pensel-kertas Tidak formal : pemerhatian, soal jawab, tugas, latihan Dibuat secara individu atau dalam kumpulan	Dibuat secara formal – ujian pensel-kertas, lisan. Dijalankan secara berkumpulan
Selepas penilaian dijalankan	Membaiki kelemahan murid serta merta dengan mengulang semula topik pembelajaran – pemulihan Menjalankan aktiviti pengukuhan – pengayaan	Menempatkan murid mengikut kumpulan pencapaian yang sesuai. Memberikan pengiktirafan – sijil, hadiah dsb. Membaiki kurikulum / mata pelajaran

Apa itu PBS?

- PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. PBS dirancang, ditadbir, diskor, direkod dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.
- PBS dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Komponen PBS terdiri daripada Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum, dan Pentaksiran Psikometrik.

Adakah konsep PBS ini sesuatu yang baru?

Konsep PBS bukanlah sesuatu yang baru, kerana pentaksiran inilah yang selama ini dilaksanakan oleh guru di sekolah (kerja rumah, projek, kuiz, soal-jawab dan lain-lain). PBS yang dicadangkan ini merupakan penambahbaikan kepada PBS yang telah sedia dilaksanakan dengan memperkenalkan pentaksiran merujuk standard dan didokumentasi.

Apakah komponen PBS?

- PBS merangkumi empat komponen iaitu pentaksiran pusat, pentaksiran sekolah, pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum dan pentaksiran psikometrik.

Apakah PBS akan menambah beban tugas guru?

- Pihak LP telah menyediakan dua system aplikasi untuk membantu guru-guru.

Kenapa PBS dilaksana? Kenapa sekarang?

- Seiring dengan program transformasi negara untuk menghasilkan modal insan yang bertaraf dunia.

Bila PBS mula dilaksanakan?

- Mulai Tahun 1 pada 2011 dan penambahbaikan UPSR 2016. Mulai Tingkatan 1 pada 2012 dan PMR sepenuhnya pada 2014.

Apakah asas pemilihan murid untuk kemasukan ke sekolah berasrama penuh?

- Ujian khas kemasukan ke asrama penuh akan diperkenalkan dan akan diuruskan oleh Bahagian-bahagian KPM yang berkenaan.

Bagaimana penjaminan kualiti PBS dapat dilaksanakan?

- Pementoran ialah satu usaha untuk memastikan wujudnya kefahaman dalam kalangan pentaksir supaya skor yang diperoleh mempunyai darjah kesahihan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Pementoran dijalankan secara berterusan bersama Jurulatih Utama pentaksiran dengan tujuan memantapkan dan menambahbaik pengetahuan, kefahaman dan kesefahaman berhubung perkara yang ditaksir, kriteria yang dirujuk, evidens yang dicari, instrumen yang digunakan dan kaedah pemberian skor.

Pemantauan ialah satu proses untuk mendapatkan maklumat dan memastikan pentaksiran dilaksanakan mengikut prosedur dan jadual yang ditetapkan agar mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan.

Pengesanan ialah proses menilai komponen Pentaksiran Pusat dari segi pencapaian objektif, kekuatan dan kelemahan instrumen serta impaknya untuk tujuan memperbaiki program Pentaksiran Pusat.

Penyelarasan diperingkat sekolah merujuk kepada proses pemberian skor kepada konstruk yang ditaksir berdasarkan skema pemarkahan. Ia adalah untuk memastikan keselarasan kefahaman terhadap konstruk dan skema pemarkahan tersebut. Sesi penyelarasan akan diatur mengikut prosedur yang ditetapkan dan akan diwakili oleh semua guru yang terlibat dengan PBS

Bolehkah pentaksiran yang dibuat guru dipercayai?

Guru merupakan orang yang paling sesuai untuk mentaksir murid masing-masing kerana mereka:

- Boleh memantau perkembangan murid secara berterusan

- Boleh member maklum balas yang membina untuk penambahbaikan pembelajaran murid
- Lebih memahami konteks yang sesuai dengan persekitaran dan perkembangan murid
- Mentaksir dan member maklum balas berpandukan standard prestasi

Apakah guru sudah bersedia untuk melaksanakn PBS?

- Setiap guru merupakan guru terlatih yang mempunyai asas pengajaran dan pembelajaran tetapi akan diberikan pendedahan semula tentang pentaksiran berasaskan sekolah.

Bagaimana ibu bapa mendapat maklum balas mengenai perkembangan pembelajaran anak-anak mereka?

- Laporan deskriptif dan formatif dapat dibuat melalui system aplikasi pada bila-bila masa sekiranya diperlukan. Sistem ini juga menyimpan maklumat perkembangan murid daripada Tahun 1 hinggalah ke Tingkatan 5 (life-time data base)

Apakah nilai UPSR dan PMR?

- UPSR dan PMR dalam SPPK masih tetap bernilai dari segi pembentukan modal insane yang holistik tetapi tidak lagi high stake kerana pentaksiran dijalankan secara berterusan dan menyeluruh.

Adakah guru menggunakan standard dalam kurikulum atau standard prestasi untuk mengajar?

- Guru hendaklah menggunakan standard dalam kurikulum untuk mengajar manakala menggunakan standard prestasi untuk mentaksir.

Bagaimana ibu bapa boleh memahami laporan yang disediakan?

- Guru akan menerangkan perkembangan anak mereka berdasarkan evidens dan deskriptor dalam portfolio anak masing-masing. Laporan adalah berbentuk diskriptif.

Bagaimana PBS akan dilaksanakan jika kemudahan komputer dan internet tiada di sekolah?

- Sistem akan disediakan dalam bentuk standalone dan data dihantar dalam bentuk text file dalam CD.

Bagaimana hasil pentaksiran berguna untuk murid?

-Maklum balas yang diberi berdasarkan standard prestasi boleh membantu murid mengenalpasti kekuatan,kelemahan,kesilapan dan apa yang perlu dibaiki, bagaimana perlu diperbaiki untuk memberi hasil yang lebih baik.

Maklum balas yang memberi makna boleh membantu murid tentang tujuan dan perkembangan pembelajaran mereka. Keadaan inilah yang memberi motivasi untuk mencuba lagi bagi meningkatkan prestasi mereka di masa hadapan

PELAKSANAAN UJIAN FORMATIF (KELAS JUNIOR 1) DI SEKOLAH MENENGAH CONFUCIAN (PERSENDIRIAN) 2011

Pelaksanaan ujian formatif dalam subjek Bahasa Malaysia telah bermula pada tahun 2010. Rancangan pelaksanaan ini diadakan bertujuan untuk membantu pelajar yang lemah dalam penguasaan subjek Bahasa Malaysia dan mempertingkatkan tahap penguasaan Bahasa Malaysia bagi pelajar yang cemerlang supaya standard mereka boleh maju ke peringkat yang lebih tinggi.

KEKANGAN YANG DIHADAPI SEMASA PELAKSANAAN UJIAN FORMATIF

Sikap Pelajar

Pelaksanaan ujian formatif (kelas Junior 1) kurang berkesan dan kurang memuaskan kerana kerjasama antara pelajar kurang.Sikap pelajar yang tidak gigih, rajin, inisiatif dalam pembelajaran yang rendah, hanya terdapat sebilangan kecil pelajar sahaja yang bersikap positif, mempunyai inisiatif pembelajaran yang tinggi.

Faktor ketidakberkesanan yang lain ialah tahap penguasaan Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar yang rendah terutamanya dalam bidang penulisan.

Sikap Guru

Sikap guru yang negatif iaitu mereka berpendapat bahawa ujian formatif akan menambahkan tugas dan bebanan mereka, sehingga mereka mencari pelbagai alasan untuk mengetepikan, melepaskan ujian formatif. Dengan cara paksaan sesetengah guru pun mengeluarkan soalan-soalan ujian formatif yang tidak berkualiti untuk memenuhi kehendak, permintaan pihak sekolah dan hanya untuk mencapai jumlah tugas yang ditetapkan oleh panitia-panitia subjek tertentu.

Budaya Sekolah

Budaya sekolah dalam pelaksanaan ujian formatif masih baru iaitu masih berada di peringkat permulaan atau percubaan. Budaya ini perlu dipupuk dan dirancang dengan teliti dan mendapat persetujuan serta sokongan daripada semua guru.

Kesuntukan Masa

Kesuntukan masa juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan hasil atau keputusan ujian formatif yang tidak dilaksanakan dengan berjaya. Kesuntukan masa di sini bermaksud guru kekurangan masa untuk menyediakan soalan-soalan ujian formatif dan menyemak soalan-soalan ujian formatif kerana aktiviti-aktiviti persatuan, sekolah, peribadi yang banyak.

Kecetekan Pengalaman Guru dan Kekurangan Tenaga Guru

Kecetekan pengalaman guru dalam bidang penyediaan soalan-soalan ujian formatif juga menjadi kekangan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan atau menjayakan ujian formatif di seluruh sekolah.

Ketidakstabilan guru dan kekurangan tenaga guru juga merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pihak sekolah. Setiap tahun pihak sekolah akan menghadapi masalah yang sama iaitu menjawat guru baru yang berbakat dalam sesuatu subjek atau bidang tertentu. Oleh itu, kesinambungan kursus atau latihan yang ditawarkan oleh pihak sekolah kepada guru tidak berhasil walaupun wang dibelanjakan beribu-ribu untuk melatih guru-guru, menaiktarafkan keprofesioanal guru dalam bidang-bidang tertentu. Dengan itu, masalah kekurangan tenaga guru harus dititikberatkan dan dipandang berat supaya masa depan sekolah ini terjamin dan rancangan-rancangan atau projek-projek yang lama difikirkan itu dapat dijalankan dengan berjaya dan apa-apa impian yang lama diimpikan itu dapat dijadikan kenyataan pada masa akan datang.

Di muka surat belakang kertas kerja ini saya lampirkan beberapa contoh keping ujian formatif yang pernah saya jadikan ujian formatif kepada pelajar-pelajar (lampiran 1).

Impian VS Realiti

Cadangan-cadangan untuk menghadapi kekangan di atas ialah:

Peranan Pihak Sekolah

Sikap guru yang takut akan cabaran atau kurang inisiatif

Guru diibaratkan lilin yang membakar diri untuk memerangi orang lain, maka guru haruslah mengubah pemikiran yang takut akan pembaharuan, takut akan cabaran; halangan dan revolusi pendidikan. Guru ialah orang yang dapat mengubah nasib seseorang, sesebuah masyarakat, sesebuah negara dan dunia. Guru juga merupakan orang yang berdiri di titik permulaan sesuatu bidang untuk menyampaikan sesuatu mesej, ilmu pengetahuan, maklumat yang terkini kepada satu generasi demi satu generasi agar generasi yang dianggap tulang belakang sesebuah negara tidak ketinggalan zaman dan terus maju di depan.

Polisi atau sistem pentadbiran sekolah haruslah mengalami perubahan sesuai dengan pendedaran masa kini

Masalah ketidakstabilan tenaga guru ialah masalah utama yang dihadapi di mana-mana sekolah persendirian yang berlaku di negara kita. Untuk menangani masalah ini, polisi sekolah haruslah mengalami perubahan yang sesuai dengan pendedaran masa sekarang misalnya kebajikan guru: gaji guru, elaun guru, masa depan guru, tawaran khas untuk guru harus dipertikaikan dan dipandang serius supaya guru tidak meletakkan jawatan dengan sesuka hati, sesuai juga dengan teori Maslow, jikalau kehendak seseorang (kelaparan dan sebagainya) tidak mendapat kepuasan bagaimana seseorang itu dapat memenuhi atau mencapai kehendak, permintaan yang lain?

Keprofesionalan guru

Guru-guru di sekolah harus diberikan kursus-kursus, latihan-latihan dan sebagainya dari semasa-semasa supaya dapat bersaing atau bertanding dengan alaf baru ini iaitu zaman kecanggihan dan kemodenan teknologi matlumut atau digelar sebagai zaman siber, zaman IT. Guru-guru yang mengikuti kursus-kursus atau latihan-latihan serta melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi akan menambah nilai ekonomi seseorang, dan nilai pendidikan seseorang. Dengan itu, guru-guru akan lebih rela berkhidmat untuk sesebuah sekolah kerana bidang perguruan yang dipilih itu bukan sahaja dianggap sebagai pekerjaan malah dianggap sebagai kerjaya seumur hidupnya.

Peranan Departemen Bahasa Malaysia

Penambahan masa dan hari sesi perbincangan bersama dengan guru-guru baharu supaya mereka dapat menguasai teknik-teknik mengajar tatabahasa, teknik-teknik mengajar penulisan, teknik-teknik pengawalan kelas dan sebagainya. Dengan itu, guru-guru baharu tidak mudah berputus asa atau hilang keyakinan diri, kecewa, dan menghadapi tekanan semasa sesi pengajaran kelas harian diadakan.

Pembahagian tugas-tugas guru harus lebih teliti dan terancang

Guru-guru harus diberikan tugas-tugas berdasarkan kemampuan, kebolehan diri masing-masing. Ketua-ketua sesuatu tingkatan atau digelar sebagai penyelaras sesuatu tingkatan harus dipilih supaya dapat mengesan masalah-masalah yang timbul pada sesuatu tingkatan dan dapat menyelesaikan masalah-masalah dengan cepat dan berkesan.

Sukatan pelajaran Bahasa Malaysia harus dikaji semula

Menurut Howard Gardner, terdapat pelbagai jenis kecerdasan yang dimiliki oleh seseorang seperti kecerdasan bahasa, muzik, pergerakan, visualisasi dan lain-lain. Setiap individu yang memiliki kecerdasan ini mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu. Individu ini mempunyai kecenderungan untuk mengembangkan bakat atau kebolehan yang mereka perolehi sekiranya dilatih dan diasah dengan cara yang betul, Walau bagaimanapun, kecerdasan ini tidak akan menyerlah sekiranya ia tidak digilap atau dibiarkan mati tanpa tunjuk ajar yang seharusnya.

Di negara kita, individu yang memiliki sesuatu kecerdasan jarang ditemui dan diiktiraf kemampuan mereka kerana kita tidak didedahkan dengan ilmu mengenai ilmu

pintar cerdas. Secara amnya, terdapat tujuh jenis kecerdasan yang mungkin dimiliki oleh seseorang. Individu yang memiliki kecerdasan sesuatu bidang akan menunjukkan kecemerlangan dalam bidang tersebut. Penghargaan boleh dilakukan bagi menggalakkan perkembangan individu tersebut. Penulisan ini diharap dapat memberi gambaran tentang kecerdasan yang dimiliki oleh seseorang individu.

Pendapat yang dikemukakan oleh Howard Gardner menunjukkan bahawa kecerdasan seseorang dapat ditingkatkan melalui pendidikan dan latihan. Beliau telah menyenaraikan lapan kecerdasan yang terdapat pada seseorang. Kecerdasan seseorang tidak semestinya melibatkan kesemua kecerdasan yang dinyatakan oleh Howard Gardner. Walau bagaimanapun, Gardner (2005), telah membuat satu spekulasi bahawa terdapat kewujudan kecerdasan yang kesembilan iaitu 'existential intelligent' yang digelar oleh beliau sebagai 'intelligence of big question'. Menurut Gardner, setiap individu mempunyai tahap kecerdasan yang berbeza kecerdasan dan kecerdasan tersebut boleh ditingkatkan dengan pendidikan melalui aktiviti yang bersesuaian. kesembilan kecerdasan yang rendah dalam jenis kecerdasan yang lain. Di bawah akan menunjukkan ciri-ciri lapan kecerdasan yang dikemukakan oleh Howard Gardner.

Jadual 1: Ciri-ciri Lapan Kecerdasan

Kecerdasan	Cerdas dalam	Pekerjaan
Bahasa	Menulis karangan, sajak, puisi, pnatun dan memberi ucapan	Penulis, penyajak, penceramah
Logik Matematik	Menaakul, kiraan, membuat analisis	Saintis, jurutera, akauntan
Ruang	Mencorak, melukis, mengukir	Pelukis, pengukur
Muzik	Mencipta lagu, menyanyi, menikmati muzik, memainkan alat muzik	Pencipta lagu, penyanyi, pemain alat muzik, peminat muzik
Kinestetik	Gerakan, tarian, lakonan, sukan, memainkan permainan	Atlit, pemain bola sepak, peninju, penari, pelakon
Interpersonal	Perhubungan manusia	Diplomat, ahli politik, peniaga
Intrapersonal	Nilai murni, pendirian, falsafah	Pengarang, penyajak, ahli falsafah
Naturalistik	Mengecam sifat semula jadi, memburu dan pertanian	Pemburu, petani, ahli sains semulajadi

Jadi, teori Howard Gardner dapat dijadikan panduan untuk penyediaan sukatan pelajaran Bahasa Malaysia kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Persendirian Confucian yang terdiri daripada pelbagai ragam, khususnya pelajar “Kelas Bimbingan Khas”. Dengan itu, tahap penguasaan Bahasa Malaysia dan pencapaian kelulusan mata pelajaran Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar sekolah ini dapat dipertingkatkan. Di sini saya lampirkan sampel “Sukatan Pelajaran Bertema dan Rancangan Pengajaran Berasaskan Teori Howard Gardner” (Lampiran 2).

PENUTUP

Sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan akan menyebabkan para pelajar menjadi semakin pasif dan semakin lembap. Maka PBS dilaksanakan dengan tujuan menyelamatkan mangsa yang lama terkorban dalam sistem lama ini. Pelajar-pelajar yang kreatif dan inovatif diperlukan dalam masyarakat dan negara kita agar slogan wawasan 2020 tidak dijadikan impian sahaja dalam jiwa setiap rakyat Malaysia.

Pihak sekolah harus bertindak segera, memandang serius terhadap polisi pihak kerajaan yang baru ini ---PBS, mengadakan kursus-kursus, ceramah-ceramah, bengkel-bengkel yang khusus dalam sesuatu bidang kepada semua guru di sekolah ini dari semasa ke semasa supaya guru di sekolah kita tidak ketinggalan zaman-----keprofesionalan guru, kecemerlangan guru, barulah dapat melahirkan insan yang berkemahiran , berkebolehan dan mengalami perkembangan secara holistik serta seimbang.

<p>KERJAYA = PEKERJAAN??? PEKERJAAN = KERJAYA ???</p>

Kebajikan guru dan masa depan guru harus difikirkan, dipertimbangkan supaya masalah kekurangan tenaga guru, masalah ketidakstabilan guru yang berlaku bertahun-tahun dahulu tidak akan menghantui pemikiran kita lagi pada masa akan datang.

Setiap tahun pihak sekolah bertungkus lumus, menggunakan pelbagai kaedah, teori, sanggup mengorbankan masa demi “menyelamatkan” pelajar kita daripada dibuang sekolah dan sebagainya, adakah guru kita juga mengalami nasib yang sama? tepuk dada tanyalah selera ...

REVOLUSI PENDIDIKAN BERMULA DARIPADA SEMUA PIHAK

Sekolah Menengah Confucian Persendirian
Semester 2: Penilaian 3: Novel Panas Salju(Bab 7--Bab 10)

Nama: _____ () Markah: _____
 Kelas: _____ Tandatangani ibu bapa: _____

Bab 7 (5%)

1. _____, Pengarah Sapura Holding menyelak-nyelak akhbar _____.
2. _____ dan _____ sepakat untuk membantu membiayai semua kos rawatan perubatan _____ di London.
3. _____ setiausahanya disuruh menelefon ke pejabat Utusan Melayu untuk mendapat _____ lanjut tentang keluarga _____.
4. Berita yang menggembirakan itu diberitahu _____ kepada Zulkifli.
5. _____ meminta Zulkifli datang ke pejabatnya esok.

Bab 8 (5%)

1. Zulkifli ke pejabat _____ di Lembah Keramat, setelah mengisi borang keluar di pejabatnya.
2. Zulkifli memberitahu _____ kedatangannya kepada _____, setiausaha Tan Sri Shamsuddin.
3. _____ sanggup menanggung semua belanja Zulkifli sekeluarga untuk _____ Nadhirah di _____.
4. Tan Sri Shamsuddin menyerahkan cek bernilai _____ sebagai kos pengurusan dan _____ Zulkifli sekeluarga ke London.
5. Zulkifli singgah di _____ untuk memasukkan cek ke dalam akaunnya dan terus ke pejabatnya semula di _____.

Bab 9(6%)

Arahan: Susunkan peristiwa-peristiwa yang berikut dengan menggunakan nombor 1, 2, 3...dan seterusnya pada ruangan yang disediakan

Bab 9

Susunan	Peristiwa
	Dia amat menghargai pengorbanan isterinya, dan menyerahkan keselamatan anak dan isterinya kepada ketentuan Allah.
	Berita Bushrah mahu mendermakan hatinya kepada Nadhirah, anaknya telah menggembarkan masyarakat
	Mohammad Yusof datang ke rumah Zulkifli dan membuat temu bual dengan Bushrah, untuk mendapat maklumat dan berita susulan tentang Nadhirah dan pengorbanan Bushrah sebagai ibu kepada anaknya.
	Ada yang menyokong dan ada yang menentang.
	Bushrah lebih mengutamakan nyawa Nadhirah daripada keselamatan diri sendiri dan komen-komen orang ramai yang menentang keputusannya.

	Bushrah mendermakan sebahagian hatinya kepada Nadhirah.
--	---

Bab 10: Padankan peristiwa-peristiwa yang berlaku di bab yang berikut: (4%)

- | | |
|-----------------------------------|--|
| 1. Ayah Zulkifli sibuk | London untuk memindahkan hatinya ke badan Nadhirah. |
| 2. Nadhirah, Bushrah dan Nazli | menonton filem Melayu klasik Panca Delima. |
| 3. | |
| 4. Bushrah turut terkesan oleh | menaip skrip drama di dalam bilik. |
| 5. Bushrah mahu segera terbang ke | lirik lagu yang menyentuh kehidupan mereka sekeluarga. |

Soalan Tambahan

1. Zulkifli ialah ayah kepada _____ dan _____.
2. Bushrah ialah isteri _____.
3. Anak sulung Zulkifli bernama _____.
4. _____ ialah rakan baik Mulyadi.
5. _____ ialah anak bongsu Bushrah.
6. Dr. _____ ialah doktor pakar hati yang berkhidmat di Hospital King's College.

SELAMAT MENJAWAB & SELAMAT MENCUBA

Lampiran 2

幼兒園課程與教學創新
 多元智能取向



附錄一

多元智能取向主題課程與教學計畫舉例



一、主題與目標

主題	天氣	單元名稱	夏天魔術師		
教學對象	大班	教學時數	25小時	設計者	小慧老師
教學目標	1. 培養科學實驗探究的精神 2. 建立正確的保育觀念 3. 引發幼兒回憶幼稚園生活的點滴 4. 認識夏天的天氣變化及身體反應 5. 認識夏天常見動物的種類及生活型態 6. 觀察水蒸發的現象與速度 7. 運用肢體動作進行扮演及想像遊戲 8. 學習收看天氣預報及天氣符號				



二、設計理念

夏天是一個天氣多變的季節，藉由主題活動中的觀察實驗，引導幼兒發現夏天對我們身體的反應帶來哪些影響或感覺？如長痱子、曬黑、易流汗、身體黏黏的……等。另外，還有夏天的季節現象和活動，如晝長夜短、水易蒸發、吹冷氣、游泳、打水仗、吃冰……等。除此之外，也認識夏天常見動物和昆蟲的種類、尋找方式、叫聲、生命循環和活動情形。最後夏天也是讓人感到喜悅和悲傷不捨的季節，在主題活動裡帶領幼兒回憶幼稚園生活，也透過參觀小學及小學生活一日體驗，比較幼稚園與小學生活的不同，幫助幼兒做好進入小學的心理準備。

三、多元智能主題課程活動腦力激盪表

<p>語文</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. 好熱的太陽 (團討太陽造成的現象及身體反應製作經驗圖表) 2. 文字大集合 (認識名詞和連接詞, 並學習說出完整句子) 3. 夏日Party (介紹夏天常見的動物或昆蟲名稱及生活型態) 	<p>邏輯數學</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. 時間列車 (數一數一個月晴天、陰天、下雨天各有幾天, 並認識月曆) 2. 找找好朋友 (觀察每種夏日昆蟲各有幾隻, 兩個兩個圈起來學習奇偶數概念) 	<p>視覺空間</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. 天氣娃娃 (利用白布、保麗龍球及其他材料製作可愛的天氣娃娃) 2. 可愛昆蟲家族 (利用養樂多瓶及通草其他材料制作出不同的昆蟲造型)
<p>內省</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. 愛的信件 (幼兒將心中想對師長同學想說的感謝語寫在紙上或錄音) 2. 我的學習單 (在表格中自填自己的基本資料家中人數及未來就讀的小學校名) 3. 保育小天使 (想一想保育動物的方法記錄在「保育動物宣言」海報上) 	<p>主題: 氣候 單元名稱: 天氣魔術師</p>	<p>肢體動覺</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. 小小播報員 (模仿氣象播報員播報各地天氣狀況及溫度預測) 2. 雨的變奏曲 (幼兒依照圖卡上不同的天氣型態做出不同的動作)
<p>人際</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. 影子國 (站於陽光下一人擺姿勢一人用粉筆將輪廓畫出來) 2. 小學之旅 (參觀小學後分組在大紙上畫出小學的環境或設備進行分享) 	<p>自然觀察者</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. 吸水大師 (觀察比較陽光下及陰涼處毛巾乾濕的不同) 2. 聚光魔鏡 (利用鏡子手電筒和臉盆觀察鏡子折射的不同變化) 3. 你猜對了嗎 (依照夏天物品性質的不同進行分類) 	<p>音樂</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. 蟬鳴二重唱 (分成兩組進行二重唱及直笛吹奏) 2. 快樂上小學 (分成樂器組和演唱組隨兒歌「上小學了」旋律有不同的表現)

四、教學設計

活動名稱	學習目標	活動流程	評量方式	教學資源	時間
影子圖	<ol style="list-style-type: none"> 1. 能觀察日光與影子的關係。 2. 能比較早上與中午影子的變化。 3. 能利用工具來協助活動的進行。 4. 能與同伴互相合作完成活動。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 早上及中午，老師帶全班幼兒到室外有水泥地的地方並分組（兩人一組）。 2. 說明遊戲規則：兩人一組，一人站立不動，另一人則拿粉筆在地上依照同伴的影子畫出輪廓和五官，待畫好後則交換。 3. 討論除了人有影子外，還有哪些東西有影子？為什麼？比較早上與中午的影子哪一個比較長？ 4. 將討論結果記錄下來貼於觀察區。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 發現太陽光的照射會產生自己與他人的影子。 2. 使用粉筆依照地上的影子形狀將同伴的輪廓畫出來。 3. 說出早上與中午的影子哪一個比較長。 4. 主動表達發現結果或想法。 	粉筆 水泥地 百科全書 白板 壁報紙 彩色筆	50分
你猜對了嗎	<ol style="list-style-type: none"> 1. 能主動提供與分享自己家中的相關資源。 2. 能觀察後將物品依照食、衣、住、行、育樂進行分類。 3. 能依照學習單上的文字說明將答案寫在正確空格中。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 觀察區內展示各種夏天的物品、食物、器具和圖片。 2. 學習區時間幼兒個別觀察區展示桌上的物品後，將學習單中的物品依照食、衣、住、行、育樂進行分類。 3. 活動後分享自己分類的結果與發現貼於觀察區中。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 可以尋找家中的夏天用品並帶來學校分享。 2. 可以分辨物品性質的不同進行分類。 3. 可以唸出學習單上的文字說明把答案記錄在學習單上。 	各種不同類型的夏天物品器具圖片桌子盤子學習單鉛筆	50分

活動名稱	學習目標	活動流程	評量方式	教學資源	時間
吸水大師	<ol style="list-style-type: none"> 1. 能樂於參與實驗活動。 2. 能感受夏天太陽的熱力。 3. 能觀察水蒸發的現象與速度。 4. 能注意太陽對我們的影響。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 分組將兩條手帕弄濕擰乾，分別放在陰涼處 2. 觀察比較陽光下及陰涼處毛巾乾濕的不同、哪一個比較快乾？水跑去哪了？ 3. 使用保特瓶裝水在地上做滴水畫，觀察水蒸發的情形。 4. 團討太陽造成的現象及身體反應製作經驗圖表。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 動手做實驗觀察水的蒸發。 2. 利用手帕和保特瓶做實驗。 3. 可以自己按壓或扭轉物品。 4. 可以拼音或畫圖製作經驗圖表。 	手帕 水毛巾 架欄杆 保特瓶 白板 壁報紙 彩色筆	50分
小小播報員	<ol style="list-style-type: none"> 1. 能一同蒐集剪報並剪下來。 2. 能觀看氣象報告來選擇穿著的衣物或物品。 3. 能運用肢體動作進行扮演及想像遊戲。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 老師與家長幼兒一起收集天氣預報的剪報張貼在語文區，幼兒個別欣賞天氣預報上有哪些天氣狀況、氣溫、降雨率等。 2. 扮演區有大型台灣氣象圖、天氣狀況標示卡...等，幼兒個別模仿氣象播報員播報各地天氣狀況及溫度預測。 3. 活動後一同在團討區分享自己對剪報的發現心得或氣象播報員如何播報各地天氣狀況。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 尋找報紙上的天氣預報並剪下來。 2. 可以依照天氣預報帶雨具或洋傘。 3. 可以模仿氣象播報員播報天氣的表情、肢體動作和話語。 	天氣狀況的剪報 膠帶 麥克風 台灣氣象圖 天氣狀況標示卡 簡報筆	50分

幼兒園課程與教學創新
多元智能取向

活動名稱	學習目標	活動流程	評量方式	教學資源	時間
夏日Party	<ol style="list-style-type: none"> 1. 能認識夏天常見的動物或昆蟲名稱及生活型態。 2. 能注意教具海報上有哪些夏日昆蟲。 3. 能學習觀察並飼養小昆蟲。 4. 將使用過的物品再加以利用創作作品。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 在團討區展示「夏夜景觀海報」、「夏日動物派對」等教具。 2. 學習區活動進行，工作區放置可製作夏天動物或昆蟲的素材。 3. 觀察區有昆蟲飼養箱、放大鏡、學習單及夏日昆蟲圖卡。 4. 活動後，團討夏天有哪些動物或昆蟲、介紹分享自己的美勞作品。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 說出夏天的動物或昆蟲名稱。 2. 可以餵食昆蟲及清理飼養箱。 3. 可以利用環保素材製作蟬、青蛙等造型。 4. 活動後收拾物品並物歸原位。 	夏夜景觀海報 夏日動物派對教具 昆蟲飼養箱 夏日昆蟲圖卡 放大鏡 學習單 鉛筆 寶特瓶 其他素材	50分
找找好朋友	<ol style="list-style-type: none"> 1. 能專心上課不影響他人。 2. 能透過教具操作了解奇數與偶數的不同。 3. 能利用素材製作作品。 4. 能完整的描述一件事情的前因後果。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 老師藉由「夏日動物派對」大型教具及昆蟲造型磁鐵、白板筆應一同介紹奇數與偶數概念。 2. 學習區活動進行，益智區有以上教具及學習單，幼兒可個別操作排列、數數。 3. 工作區有製作天氣娃娃的材料，幼兒可個別創作造型。 4. 活動後，分享共有幾隻昆蟲、兩個一數有幾對、奇數或偶數、展示作品。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 上課認真不和旁邊的人說話。 2. 利用昆蟲造型磁鐵及橡皮筋練習兩個一數。 3. 利用材料和工具完成天氣娃娃。 4. 能清楚表達自己的活動步驟及結果。 	「夏日動物派對」大型教具 昆蟲造型磁鐵 學習單 橡皮筋 鉛筆 白板 筆 衛生紙 通草 樹紙 土剪刀	50分

活動名稱	學習目標	活動流程	評量方式	教學資源	時間
蟬鳴二重唱	<ol style="list-style-type: none"> 1. 能聆聽不同的音樂。 2. 能了解樂譜的意思並依照拍子吹奏或演唱。 3. 能以二重唱的方式唱出完整的兒歌。 4. 能隨著老師或樂器的提示改變動作。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 老師播放音樂讓幼兒聆聽並團體教唱兒歌「蟬鳴」。 2. 依照樂譜練習直笛吹奏。 3. 將全班分成兩組，進行二重唱及直笛吹奏。 4. 交換。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 欣賞歌曲旋律並感受意境。 2. 配合音樂節奏用直笛吹出旋律。 3. 嘗試不同的表現方法。 4. 注意老師或樂器的提示改變動作。 	兒歌「蟬鳴」海報 樂譜直笛 手搖鈴 白板 白板筆 音響音樂 CD	50分
時間列車	<ol style="list-style-type: none"> 1. 能分辨不同的天氣型態。 2. 能運用繪畫及注音表現天氣型態。 3. 能看月曆了解今天是幾月幾日星期幾。 4. 能經由數數了解一星期七天、一個月三十天。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 數一數自己的「天氣觀察表」，一星期裡晴天、陰天、下雨天各有幾天，計算天數。 2. 數一數老師的「天氣觀察表」使用，一個月裡晴天、陰天、下雨天各有幾天，認識月曆。 3. 數一數月曆上共有幾天？一個月有幾個星期一、星期二...等，練習看月曆。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 可以清楚的描述當天的天氣型態。 2. 觀察天氣狀態後，使用繪畫或注音表現天氣型態。 3. 看月曆說出今天的日期和星期幾。 4. 正確數數知道一個月有三十天。 	天氣觀察表 色筆鉛筆 大本月曆 數字卡 星期標示卡 晴天、陰天、下雨天圖卡	50分
小學之旅	<ol style="list-style-type: none"> 1. 能遵守參觀的禮儀。 2. 能說明小學與幼稚園生活作息的不同。 3. 能說明自己的基本資料及未來就讀小學的校名。 4. 能體驗小學的生活與作息及遵守常規。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 安排到小學參觀的活動。 2. 請幼兒分享參觀小學的感想或發現。 3. 個別說明「我的學習單」中的內容，如未來就讀小學的校名。 4. 將教室桌椅排列布置成小學教室的樣子，分配班長等幹部及工作，體驗一日小學生活。 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 參觀時專心聆聽解說、不追逐或大聲喧嘩。 2. 說出三項小學與幼稚園不同的地方。 3. 可以自我介紹不害怕。 4. 可以依照小學時間表作息。 	公文 交通車 桌子 椅子 我的學習單 小學作息時間表	50分

幼兒園課程與教學創新
 多元智能取向

活動名稱	學習目標	活動流程	評量方式	教學資源	時間
愛的信件	1. 能認識園所全部的老師並將字卡與照片配對。 2. 能操作工具協助錄音。 3. 能接受各種不同的表達方式。 4. 能注意送禮的禮貌和用語。	1. 老師在壁報紙上張貼全部老師的照片和名稱，告知幼兒可將心中對師長同學的感謝語寫在紙上或錄音起來。 2. 學習區時間幼兒個別使用工作區內的材料製作感謝卡或利用語文區的錄音機錄音，亦可唱歌表現如兒歌「上小學了」。 3. 學習區操作後老師請幼兒一一分享並將卡片送給對方。	1. 將全園老師的照片和字卡作配對。 2. 可以正確地操作錄音機協助錄音。 3. 運用不同的方式表達感情。 4. 送卡片時會注意自己的儀容和用語。	壁報紙 老師的照片和字卡 卡片 色筆 打洞器 膠水 錄音機 空白錄音帶 兒歌「上小學了」 樂器	50分

五、環境規劃

(一) 主題情境布置

